

**Muhyiddin, Isteri Hadiri Majlis Berbuka Puasa KSN
Bernama
25 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin meluangkan masa menghadiri Majlis Berbuka Puasa Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa di Puspanitapuri, Presint 10 di sini.

Ketibaan beliau bersama isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman pada 7.10 malam disambut Ali.

Pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri turut menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah.

Hadir sama bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Pengurus Besar Bernama Datuk Hasnul Hassan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683225>

